

# Syarahan Umum Antarabangsa

## Oleh Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi

Unit Pembangunan Lestari dengan kerjasama dari Unit Penyelidikan dan Pembangunan telah menganjurkan Syarahan Umum Antarabangsa pada 28 September 2010. Syarahan Umum Antarabangsa ini disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Y.Bhg Prof Madya Dato' Syed Omar Al Saggaf, Duta Besar Malaysia ke negara Arab Saudi dan wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia (OIC). Syarahan yang bertajuk Nilai Pengurusan, Etika Kerja dan Personaliti-Perspektif Islam ini telah berjaya menarik lebih 300 penyertaan dari kalangan staf pengurusan dan pentadbiran, staf akademik dan jemputan luar termasuk dari Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs).



Dalam syarahannya, Tuan Yang Terutama menekankan bahawa dalam apa juga organisasi, jawatan dan tugas, agama Islam telah memberi garis panduan yang jelas berhubung dengan kewajipan bekerja dan tanggungjawab yang perlu diikuti oleh setiap pekerja sama ada di sektor awam dan swasta. Agama Islam yang syumul telah menyediakan suatu garis panduan yang lengkap kepada semua manusia dari aspek pengurusan, sama ada pengurusan diri, pengurusan masa, pengurusan organisasi, tentang nilai dan etika kerja yang mulia dan baik dan etika personaliti. Menurutnya, jika seseorang individu terutamanya Muslim, berpegang teguh kepada ajaran Islam, secara tidak langsung akan membawa kebaikan kepada lain-lain bidang dan di dalam setiap aspek kehidupannya. Beliau juga menekankan tentang 3 prinsip utama dalam memacu kecemerlangan insan dan organisasi iaitu komprehensif, positif dan humanistik.

Sumber : Unit Pembangunan Lestari

